

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 2 (7)



**SURAT PEKELILING BENDAHARI
BILANGAN 5 TAHUN 2021**

**PINDAAN GARIS PANDUAN PELABURAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

Pejabat Bendahari

07 Julai 2021

Disalinkan kepada :

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Ketua PTJ/Dekan/Pengarah

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

No. Rujukan : UMK.B03.00.100-1/3/3 JLD 2 (7)

07 Julai 2021

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 5 TAHUN 2021

PINDAAN GARIS PANDUAN PELABURAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

1. TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan Pindaan Garis Panduan Pelaburan Universiti Malaysia Kelantan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Garis Panduan Pelaburan UMK telah diluluskan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Bilangan 3 Tahun 2020 (Kali Ke-55) pada 23 Ogos 2020.
- 2.2 Walau bagaimanapun, pindaan ini dibuat dengan mengambilkira maklum balas yang diberikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) antaranya adalah berkaitan pematuhan terhadap Surat Pekeliling Am (SPA) Bil. 3 Tahun 1998 (Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan) selaras dengan peruntukan dalam *Green Book* yang dikeluarkan oleh KPT.
- 2.3 Lembaga Pengarah Universiti telah meluluskan Pindaan Garis Panduan Pelaburan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 3 Tahun 2021 (Kali Ke-59) yang bersidang pada 14 Jun 2021.

3. PINDAAN GARIS PANDUAN PELABURAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

3.1 Pindaan Garis Panduan Pelaburan Universiti Malaysia Kelantan adalah seperti berikut:

PERENGGAN	ASAL	PINDAAN/TAMBAHAN
3.1	Perlembagaan UMK, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971	Menambah perenggan baharu untuk memasukkan SPA Bil. 3 Tahun 1998 ke dalam Garis Panduan Pelaburan UMK.
3.2	Garis Panduan Pelaburan Untuk IPTA (April 2004)	Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998
3.3	Akta Syarikat 2016 (Akta 777)	Peranan dan tanggungjawab UMK dan LPU dalam melakukan, mengendali dan menguruskan pelaburan hendaklah merujuk dan tertakluk kepada Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998.
5.5.5	<p><u>Pentadbiran dan Pengurusan</u></p> <p>b) Keanggotaan Lembaga Pengarah Syarikat</p> <p>a) Pengerusi Lembaga Pengarah bagi syarikat induk hendaklah dilantik oleh LPU dalam kalangan ahli LPU yang mampu memimpin dan menerajui anak syarikat. Pengerusi LPU, Naib Canselor dan mana-mana pegawai UMK tidak boleh dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah syarikat induk;</p>	<p><u>Pentadbiran dan Pengurusan</u></p> <p>b) Keanggotaan Lembaga Pengarah Syarikat Induk</p> <p>i. Komposisi Lembaga Pengarah Syarikat Induk hendaklah terdiri daripada Pengurusan Universiti, Ahli LPU dan Ahli Luar/Swasta. Peratusan keahlian LPU tidak boleh melebihi 30% daripada jumlah keseluruhan ahli Lembaga Pengarah Syarikat Induk.</p> <p>ii. Pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat induk perlu mendapat kelulusan daripada Menteri. Cadangan calon hendaklah dikemukakan oleh LPU ke peringkat kelulusan Menteri setelah melalui proses pemilihan dan cadangan calon hendaklah dalam kalangan ahli LPU yang mampu memimpin dan menerajui anak syarikat. Pengerusi LPU, Ahli LPU dan Pengurusan Universiti tidak boleh dilantik sebagai Pengerusi Lembaga Pengarah syarikat induk;</p>

PERENGGAN	ASAL	PINDAAN/TAMBAHAN
8.1	<p>UMK dibenarkan untuk meminjam dan mendapatkan pinjaman sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 5, Perlembagaan UMK (Kuasa tambahan Universiti) seperti berikut:</p> <p>Seksyen 5 (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri Kewangan</p> <p>d) meminjam atas apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Universiti bagi menjelaskan tanggungannya atau bagi menunaikan mana-mana kewajipannya;</p> <p>e) mendapatkan pinjaman di bawah perenggan (d) melalui penerbitan bon, debentur atau saham debentur dalam apa-apa kelas dan nilai atau menggadaikan, menggadaijanjikan, menyandarkan atau selainnya mengadakan lien ke atas harta alih atau tak alihnya, atas apa-apa terma yang difikirkan suai manfaat oleh Lembaga.</p>	<p>UMK dibenarkan untuk meminjam dan mendapatkan pinjaman sebagaimana diperuntukkan dalam Seksyen 5, Perlembagaan UMK (Kuasa tambahan Universiti) dan Perenggan 5 Akta Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999 seperti berikut:</p> <p>Seksyen 5 (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri Kewangan</p> <p>d) meminjam atas apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga, apa-apa jumlah wang yang diperlukan oleh Universiti bagi menjelaskan tanggungannya atau bagi menunaikan mana-mana kewajipannya;</p> <p>e) mendapatkan pinjaman di bawah perenggan (d) melalui penerbitan bon, debentur atau saham debentur dalam apa-apa kelas dan nilai atau menggadaikan, menggadaijanjikan, menyandarkan atau selainnya mengadakan lien ke atas harta alih atau tak alihnya, atas apa-apa terma yang difikirkan suai manfaat oleh Lembaga.</p> <p>Perenggan 5 Akta Badan Berkanun (Kuasa Meminjam) 1999 –</p> <p>Sesuatu badan berkanun atau sesuatu syarikat atau perbadanan yang ditubuhkan oleh suatu badan berkanun tidak boleh meminjam wang tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Menteri dan Menteri Kewangan.</p>

3.2 Garis Panduan Pelaburan Universiti Malaysia Kelantan yang telah dikemaskini adalah seperti di **Lampiran A**.

4. PEMAKAIAN

- 4.1 Pindaan Garis Panduan Pelaburan Universiti Malaysia Kelantan berkuat kuasa dari tarikh pekeliling ini dikeluarkan seterusnya membatalkan Surat Pekeliling Bendahari Bilangan 20 Tahun 2020.

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”
“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



MOHD YUSRI BIN AWANG
Timbalan Bendahari Kanan
Menjalankan Tugas Bendahari
b.p: Naib Canselor